

'Sekolah, PIBG usah sembunyi kes buli'

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peringatan tegas kepada pihak sekolah serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) supaya tidak sesekali melindungi kes buli, walaupun dianggap isu kecil kerana tindakan sedemikian ibarat melindungi perbuatan jenayah.

Perdana Menteri berkata, sikap segelintir pentadbir sekolah yang cuba menutup kes buli atas alasan mahu menjaga imej institusi pendidikan masing-masing perlu dihentikan segera kerana ia hanya akan memburukkan keadaan.

"Guru besar, ibu, bapa perlu beri kerjasama sepenuhnya. An-

tara masalahnya ialah salah faham atau keutamaan pentadbir sekolah yang mahu melindungi imej sekolah.

"Bila ada kes, mereka simpan, kononnya untuk jaga nama baik sekolah. Tapi kalau dilindungi, itu satu kesalahan, ibarat melindungi jenayah," katanya selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Jannatul Firdaus, Presint 5, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, tindakan memandang ringan kes buli boleh membawa akibat besar sekiranya tidak dibendung sejak awal.

"Kadang-kadang kes itu kecil tapi kalau dibiarkan akan jadi

besar. Jadi bukan soal kita nak tuduh sesiapa tapi ini satu peringatan bersama supaya semua lebih bertanggungjawab," katanya.

Dalam masa sama, beliau turut mengingatkan pihak berkuasa seperti polis supaya segera mengambil tindakan dalam kes yang membabitkan jenayah termasuk di media sosial, tanpa perlu menunggu terlalu lama.

Beliau turut menegaskan, supaya tindakan disiplin oleh guru dijalankan secara berhemah, pada masa sama, menolak pandangan melampau sesetengah pihak yang menolak se-

barang bentuk teguran atau hukuman ringan.

Katanya, tindakan disiplin yang dilaksanakan guru perlu dilakukan secara berhemah.

"Janganlah sampai pukul, hempuk kepala sampai luka. Tapi untuk guru menegur, merotan tangan dengan yang ringan sedikit (wajar), tetapi kadang-kadang golongan hak asasi, liberal ini kadang-kadang (beranggapan ia) keterlaluan hingga tidak boleh langsung (menghukum).

"Jadi apabila datang masalah begini, kita kena bagi sedikit pelonggaran (menghukum) dengan syarat ketat," katanya.